

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ**

[TANAH MERAH - BN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)

SOALAN (NO. 34)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan yang dilakukan bagi meningkatkan sukan bola sepak di negara ini yang kini berada pada tahap sangat buruk.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kemerosotan prestasi pasukan bola sepak negara, pihak Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara yang bertujuan untuk melaksanakan program pembangunan bola sepak akar umbi dalam memastikan Negara tidak ketandusan pemain-pemain berbakat pada masa akan datang.
2. **Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) atau *National Football Development Plan (NFDP)*** telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan April 2014 sebagai platform terbaik dalam melaksanakan penstrukturan semula program pembangunan bola sepak negara secara sistematik. Program ini bertujuan untuk memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan di peringkat akar umbi. Program ini juga telah diumumkan sebagai salah satu projek nasional serta pelan jangka panjang, di mana fasa pertama telah bermula pada tahun 2014 sehingga tahun 2020. Seterusnya fasa kedua akan dilancarkan bermula tahun 2021 sehingga tahun 2030.
3. Di samping itu juga, Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 2017 dan bakal menjadi sebuah akademi termoden di rantau ASEAN yang akan melatih lebih 350 bakat-bakat terbaik tanahair yang berumur 13 hingga 17 tahun.

Sekian, terima kasih.